

Headline **Pesakit diabetes berisiko dijangkiti tibi**
Date **11 May 2011**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **n51**
Article Size **191 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **764**
PRValue **2,292**



Pesakit diabetes berisiko dijangkiti tibi

KUALA SELANGOR - Pesakit diabetes dan golongan muda yang menghidap HIV akibat penyalahgunaan dadah berisiko tinggi menghidap tibi memandangkan peningkatan jumlah penyakit tersebut di negara ini.

Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Selangor, Dr Mohamed Azhar Mohamed Nawi berkata, daerah Kuala Selangor tidak terkecuali berdepan dengan isu ini memandangkan pesakit diabetes menunjukkan anggaran 5,000 orang dan penghidap tibi pula dalam jumlah 100 orang.

Menurutnya, jumlah pesakit diabetes yang begitu ramai mungkin disebabkan tidak menjaga pemakanan, lebih-lebih lagi faktor geografi kawasan yang mana Kuala Selangor berhampiran kawasan laut dan mudah untuk memperoleh makanan laut.

"Diabetes adalah penyakit kronik yang akan kekal seumur hidup. Setakat ini belum ada ubat yang dapat menyembuhkan diabetes tetapi ia boleh dikawal dengan cara penjagaan pemakanan dan berat badan selain amalan memakan ubat," katanya ketika dihubungi Sinar Harian, semalam.

Mohamed Azhar berkata, berbanding dengan tibi, penyakit ini mudah berjangkit melalui udara sekali gus membawa maut jika tidak dirawat. Ia disebabkan kuman tibi yang biasanya menjangkiti paru-paru tapi boleh juga menyerang organ badan yang lain seperti tulang, otak, kulit, kelenjar dan buah pinggang.

"Di Kuala Selangor, dua wabak yang paling kerap melanda penduduk daerah ini adalah demam denggi dan tibi. Saya sarankan kepada pesakit tibi supaya menjalani rawatan dan buat ujian sampel kahak sebelum ubat yang sesuai diberikan untuk tempoh dua bulan.

"Jika selepas dua bulan, pesakit masih positif, kami akan buat rujukan ke hospital pakar untuk rawatan lanjut," katanya.

Beliau turut menasihati orang ramai supaya menjaga pemakanan kerana kesedaran pengambilan makanan sihat masih rendah.

Sementara itu, Ketua Pegawai Agensi Anti-dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kuala Selangor, Abdullah Shahidan berkata, seramai 35 golongan muda di daerah ini berusia antara 14-20 tahun terlibat penyalahgunaan dadah.

Dalam jumlah itu katanya, mereka didapati bebas HIV kerana masih baru dalam penyalahgunaan dadah.

"Pesakit HIV yang dikenal pasti di daerah ini adalah dalam lingkungan 25 tahun ke atas. Setakat ini golongan muda yang terlibat dengan dadah bebas HIV.

"Usaha memerangi dadah ini perlu dibuat secara kolektif dan memerlukan kerjasama semua pihak," katanya.

Terdahulu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, kementeriannya giat mengambil langkah membendungnya supaya ia tidak sampai ke tahap yang tidak dapat dikawal termasuk mewajibkan pesakit terbahit datang ke hospital kerajaan berhampiran setiap hari untuk rawatan, selain menjalankan ujian saringan terhadap mereka yang berisiko dijangkiti.

“ Di Kuala Selangor, dua wabak yang paling kerap melanda penduduk daerah ini adalah demam denggi dan tibi.

Mohamed Azhar